

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 15 / 9 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 14 | RUANGAN | News |

Agar beroleh haji mabrur - Mukhriz Tunai haji dengan tertib, berdisiplin

Oleh SAHBULAH DARWI
pengarang@utusan.com.my

JERLUN 14 Sept. - Para jemaah haji dari negara ini diharap dapat menjalankan ibadat itu dengan penuh tertib dan sempurna sebagai usaha mendapatkan haji mabrur.

Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Tun Mahathir berkata, kerajaan Arab Saudi mengakui jemaah dari Malaysia terkenal sebagai amat berdisiplin pada setiap musim haji dan beliau yakin imej baik itu akan terus dijaga oleh jemaah tahun ini.

"Adalah didoakan agar jemaah haji kita dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna dan dipermudahkan urusan agar mendapat haji mabrur," katanya.

Beliau menyatakan perkara ketika berucap pada majlis bacaan Surah Yasin dan Penyampaian Sumbangan kepada 108 jemaah haji dari kawasan Jerlun di Masjid Ar-Rahman Kerpan, di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyampaikan sumbangan kain ihram kepada jemaah lelaki dan telekung kepada jemaah wanita, wang tunai dan naskhah surah Yasin pada majlis berkenaan.

Mukhriz berkata, peluang keemasan menunaikan haji perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberi tumpuan khusus kepada memperbanyakkan amal ibadat kerana ia adalah undangan istimewa ke tanah suci daripada Allah.

Menurutnya, para jemaah perlu menjaga kesihatan dan sentiasa mematuhi peraturan memandangkan terdapat kira-kira empat juta jemaah haji pada setiap musim haji berkumpul di lokasi yang sama.


"Jemaah haji juga diminta berdoa agar negara kita terus aman dan makmur," jelasnya.

Sementara itu, seorang jemaah, Rozi Salleh, 57, dari Kampung Hutatan Palas berkata, semua persiapan telah dilaksanakan untuk dia menunaikan haji bersama isterinya, Nor Aidah Md. Zain, 53, buat pertama kali.

"Saya bersyukur dengan perasaan gembira tidak terkata apabila dimaklumkan Tabung Haji nama saya tersenarai dalam jemaah haji musim ini dan kami berdoa agar diberikan haji mabrur," katanya.

Seorang pesawah, Yazid Hanipah, 31, dari Kampung Siputer pula berkata, dia rasa amat bertuah kerana tidak menyangka berpeluang menunaikan ibadat itu dalam usia yang agak muda berbanding jemaah lain.

"Penerbangan saya dan datuk, Mah Hamid, 82, dijadualkan pada 4 Oktober ini," katanya.



MUKHRIZ Tun Mahathir (kiri) menyampaikan sumbangan kepada bakal haji pada Majlis Bacaan Yasin dan Penyampaian Sumbangan Kepada 108 Jemaah Haji Kawasan Jerlun di Masjid Ar-Rahman Kerpan, semalam. - UTUSAN/HALIM KHAUD